



جابتِن اکام اسلام فیراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

Semua Pengerusi
Jawatankuasa Kariah
Masjid dan Surau Diri Jumaat

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(66)

Tarikh: 20 Muharam 1447H
16 Julai 2025M

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada di dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

Tarikh	18 Julai 2025 / 22 Muharam 1447
Tajuk	Memelihara Keamanan Negara Tanggungjawab Bersama

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO') HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)

Pengarah
Jabatan Agama Islam Perak

s.k Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

“PERAK SEJAHTERA 2030”

PENGUMUMAN SEBELUM SOLAT JUMAAT

Kepada: Imam / Khatib bertugas

Perkara: Program Sijil Pengajian Masjid (SPM) @ Masjid Negeri Perak

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Sidang Jemaah sekalian, di sini ada pengumuman ingin disampaikan iaitu Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Negeri Perak) membuka peluang untuk orang ramai mendalami ilmu pengajian agama melalui program ***Sijil Pengajian Masjid (SPM)*** bagi **sesi 2025/2026**. Sijil Pengajian Masjid di Masjid Negeri Perak telah diperkenalkan sejak tahun 2013, dirangka sebagai daya usaha pengajian agama berstruktur, dilengkapi pelbagai mata pelajaran merangkumi Akidah, Tafsir, Hadis, Sirah, Feqah, Tasawuf, Fiqh Aulawiyat dan Aliran Pemikiran Semasa, bertujuan memudahkan orang awam mendapat pendidikan ilmu agama yang lengkap.

Sijil Pengajian Masjid (SPM) bagi sesi baharu kini dibuka seperti maklumat berikut:

Tarikh: bermula 2 Ogos 2025 (Sabtu) sehingga Jun 2026

Tempoh: 24 sesi (setiap sabtu) 8.00 pagi – 1.00 Tengah hari

Tempat: Dewan & Bilik Kuliah Masjid Negeri Perak

Yuran: RM500 seorang / tahun

Tempoh Pengajian: 3 Tahun

Orang ramai dijemput mengingkuti seterusnya mendaftar kelas pengajian Sijil Pengajian Agama di Masjid Negeri Perak dengan merujuk Pejabat Pentadbiran Masjid Negeri Perak untuk dapatkan maklumat lanjut.

Moh kite jadikan masjid rapat di hati – masjid tempat menimba ilmu! Semoga para-Jemaah sekalian dilimpahi rahmat Allah SWT dan dipermudahkan segala urusan.



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"MEMELIHARA KEAMANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

18 Julai 2025 / 22 Muharam 1447

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الْدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ يَأْخُذُونَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَعْمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِنُوكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mengerjakan setiap perintah serta menjauhi segala larangan Nya. Sesungguhnya kemuliaan seseorang insan dinilai daripada ketakwaan; dan tiada bekalan yang lebih baik untuk akhirat melainkan takwa. Bersempena bulan keselamatan negara yang disambut pada Julai setiap tahun, mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk

"MEMELIHARA KEAMANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

Firman Allah SWT, melalui ayat 126 surah al-Baqarah:

﴿وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّيْ أَجْعَلْ هَذَا بَلَدًاءَامِنًا وَأَرْزُقْ أَهْلَهُ وَمِنَ الشَّمَرَاتِ مَنْءَامَ مِنْهُمْ بِاللَّهِ وَالْيَوْمُ الْآخِرِ قَالَ وَمَنْ كَفَرَ فَأَمْتَعْهُ وَقَلِيلًا ثُمَّ أَضْطَرْهُ إِلَى عَذَابِ النَّارِ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ﴾

Bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berdoa, "Ya Tuhan, jadikanlah negeri ini (Mekah), negeri yang aman sentosa dan berikanlah rezeki daripada buah-buahan kepada penduduknya yang beriman antara mereka dengan Allah dan hari kemudian. Allah berfirman, "(permohonan mu itu diterima) dan kepada orang kafir pun Aku beri kesenangan sementara (di dunia), kemudian Aku paksa (dengan menyeret) mereka menjalani seksaan neraka dan itulah seburuk-buruk tempat kembali."

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Keamanan merujuk kepada keadaan aman, sentosa dan tenteram. Keamanan adalah kurniaan Ilahi – nimat berharga yang mempengaruhi kehidupan; membolehkan manusia hidup dalam selamat, bebas dari ketakutan, boleh melaksanakan urusan harian, menyempurnakan ibadah, dan menumpukan usaha membangunkan ummah dan negara, seterusnya menikmati kebahagiaan.

Rasulullah SAW menggambarkan nikmat keamanan melalui sabda Baginda:

مَنْ أَصْبَحَ مِنْكُمْ آمِنًا فِي سِرْبِيهِ، مُعَافًٌ فِي جَسَدِهِ، عِنْدَهُ قُوَّتُ يَوْمِهِ، فَكَأَنَّهَا حِينَتْ لَهُ الدُّنْيَا

Bermaksud: “Siapa di antara kalian yang berpagian dalam keadaan aman dalam lingkungan tempat tinggalnya, sihat tubuhnya, dan memiliki makanan untuk hari itu, maka seakan-akan dunia telah dikumpulkan untuknya.”

(Hadis Riwayat al-Tirmizi)

Jemaah yang dikurniai nikmat keamanan,

Kita amat bersyukur kerana negara kita ketika ini berada dalam suasana aman dan damai, bebas daripada ancaman yang mengganggu gugat keselamatan negara.

Salah satu agensi penting yang dipertanggungjawabkan mengawal selia, menyelaras dasar dan tindakan keselamatan negara, ialah Majlis Keselamatan Negara; ditubuhkan secara rasmi pada 7 Julai 1971, berpandukan keputusan Jemaah Menteri, susulan tercetusnya peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969; detik hitam dalam sejarah negara yang telah membuka mata pelbagai pihak tentang pentingnya pengurusan keselamatan yang terancang, sistematik dan menyeluruh. Peristiwa pahit 13 Mei 1969, menjadi peringatan penting kepada rakyat Malaysia agar sentiasa menjaga keharmonian, mengelakkan sentimen perkauman, dan mengutamakan perpaduan demi keamanan negara.

Dunia hari ini sedang menghadapi pelbagai bentuk cabaran keselamatan yang baharu, antaranya ancaman siber, ekstremisme (fahaman pelampau), bencana alam, keterjaminan makanan, kesihatan global dan pelbagai lagi.



Oleh itu negara memerlukan kesedaran dan kerjasama menyeluruh daripada semua pihak untuk menghadapi dan menangani cabaran-cabaran tersebut. Dasar dan sistem yang digubal, tidak cukup ampuh untuk menjamin keamanan dan kemakmuran negara tanpa adanya sokongan dan penyertaan masyarakat.

Sejarah Islam membuktikan, keamanan dan kemakmuran negara dicapai dan terpelihara, sekiranya berjaya dipupuk peranan dan kerjasama dalam kalangan masyarakat. Pada zaman Rasulullah SAW, Piagam Madinah telah dijadikan asas untuk menyatukan pelbagai puak, kabilah, kaum dan agama, merangkumi Muhajirin Mekah, Ansar Madinah, Muslim dan Yahudi, dalam sebuah masyarakat yang berkongsi tanggungjawab kemasyarakatan dan keselamatan.

Piagam Madinah menjamin setiap pihak diberikan hak secara adil – secara saksama, tanpa pilih kasih atau penindasan. Kebebasan beragama dijamin, sebarang pertikaian diselesaikan secara telus, adil dan saksama dengan merujuk kepada Rasulullah SAW sebagai pemimpin dan hakim. Piagam Madinah merupakan perlembagaan bertulis pertama dalam sejarah tamadun manusia, yang meletakkan asas pemerintahan berlandaskan kedaulatan undang-undang dan bukannya bertuankan manusia. Hasilnya, semua anggota piagam, berjanji mempertahankan Madinah daripada musuh luar dan menjaga keamanan dalam negeri, menolak pengkhianatan dan perpecahan.

Sesungguhnya tanggungjawab memelihara keamanan adalah tanggungjawab bersama; tanggungjawab yang menuntut kesedaran dan peranan semua pihak, tidak terletak hanya di bahu pihak tertentu. Sabda Rasulullah SAW mafhumnya:

"Perumpamaan orang yang menjaga batasan-batasan Allah dan orang yang melanggarnya adalah seperti satu kaum yang berada di atas sebuah kapal. Sebahagian mereka berada di bahagian atas dan sebahagian lagi di bahagian bawah. Apabila orang yang berada di bawah ingin mendapatkan air, mereka terpaksa melalui orang-orang yang berada di atas lalu menyusahkan mereka. Lalu mereka berkata, 'Kalau kita buat satu lubang di bahagian kita (dasar kapal), kita tidak akan menyusahkan orang di atas. Maka jika orang di atas membiarkan mereka melakukan



apa yang mereka mahu, maka semua akan binasa. Tetapi jika mereka menahan tangan mereka (menghalang perbuatan itu), maka mereka semua akan selamat." (Hadis riwayat al-Bukhari)

Jemaah Rahimakumullah

Mimbar menyenaraikan peranan yang harus dipenuhi oleh masyarakat dalam usaha memelihara keselamatan negara:

Pertama: Menjaga tutur kata dan tidak menyebarkan fitnah.

Setiap rakyat bertanggungjawab menjaga tutur kata dan tidak menyebarkan fitnah. Dalam era digital masa kini, penyebaran maklumat berlaku dengan pantas, terutama melalui media sosial. Fitnah, hasutan, dan kata-kata berunsur perkauman serta keagamaan boleh mencetuskan pertikaian dan menggugat hubungan harmoni antara rakyat di negara ini yang terdiri daripada pelbagai kaum dan menganut pelbagai agama.

Kedua: Meningkatkan keprihatinan terhadap ancaman keselamatan dalam masyarakat

Rakyat perlu peka dan tidak boleh berdiam diri terhadap kegiatan-kegiatan yang mencurigakan dalam masyarakat, seperti kegiatan ekstremis (pelampau), ajaran agama atau perhimpunan atau kemunculan kumpulan yang meragukan, kehadiran warga asing, penyeludupan, penyalahgunaan dadah, dan keganasan rumah tangga.

Ketiga: Melaporkan sebarang perkara yang mencurigakan.

Rakyat bertanggungjawab melaporkan kepada pihak berkuasa sebarang perkara yang mencurigakan. Kejadian buruk boleh dielakkan, dan langkah pencegahan dapat dirintis, sekiranya masyarakat segera melaporkan perkara meragukan yang boleh menjelaskan ketenteraman awam.

Semoga dengan kerjasama pelbagai pihak, dalam semangat "bersatu teguh – bercerai roboh", insya-Allah kita akan terus dilimpahi keamanan, kestabilan dan kemakmuran. Marilah kita berganding bahu memastikan tanah air tercinta ini sentiasa berada dalam keadaan selamat, aman, makmur dan sejahtera.



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵
وَعَلَى أَلِيٍّ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya daripada kalangan Asyairah Maturidiah. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَّبِعُهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَالْأَفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثِبِّهِمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخْوَاتَنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فِلَسْطِينِ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَانصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal Alamin! Pelihara negara kami daripada ancaman musuh serta anasir luar yang berkemungkinan menjelaskan kestabilan dan mengugat keamanan negara. Limpahi rahmat Mu agar negara kami kekal aman, tenteram dan rakyatnya hidup penuh harmoni; ummah pula tidak terganggu untuk mengabdikan diri beribadah, sujud dan bersyukur atas segala nikmat kurniaan Mu.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fujara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

Ya Mu'min! Ya Muhammin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk!, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.



Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى
نِعْمَةِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.